

Direka khusus untuk keperluan perubatan anda.

PRUMy Medical Plus

Insuran Perlindungan



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.

Perlindungan tinggi demi
menghadapi peningkatan
kos perubatan

Tambahan kepada
perlindungan perubatanku
yang sedia ada

Nilai untuk wang dengan
perlindungan komprehensif

Orang selalu mengambil mudah kesihatan baik yang mereka nikmati dan mengandaikan bahawa jikalau sesuatu yang buruk akan berlaku pun, ia akan terjadi lambat lagi. Sehingga tiba harinya apabila mereka mendapati diri mereka dibebani bil perubatan yang besar dan tidak bersiap sedia untuk menghadapinya. Sebenarnya tiada siapa pernah terfikir bahawa mereka memerlukan insurans perubatan sehinggalah peristiwa malang menimpa mereka.

Perkara ini benar terutamanya pada hari ini kerana kos perubatan meningkat setiap tahun. Kadar inflasi penjagaan kesihatan di Malaysia merupakan antara yang tertinggi di Asia¹, dan ramai orang, terutamanya dari kalangan generasi muda, perlu menampung kenaikan menampung kenaikan kos ini apabila mereka meningkat tua.

Di Prudential, kami prihatin dan kami sedia membantu.

Apa Yang Anda Hadapi



Kos Sara Hidup Semakin Meningkat



Mampu Milik

Dengan meningkatnya kos sara hidup secara menyeluruh, anda memerlukan pelan insurans yang bersesuaian dengan kemampuan anda dan pada masa yang sama menawarkan anda perlindungan perubatan yang optimum.



Pelan Insurans Perubatan yang Tidak Fleksibel



Kefleksibelan

Semua orang berbeza – jadi mengapa pelan perubatan anda harus sama dengan orang lain? Apa yang anda perlukan ialah pelan yang boleh disesuaikan mengikut keperluan anda yang tersendiri.



Masa Depan yang Tidak Pasti



Perlindungan Sehingga Umur 100 Tahun

Secara idealnya, insurans perubatan hendaklah terus melindungi anda sehingga bertahun-tahun akan datang ketika anda meningkat tua dan kesihatan anda merosot. Pilihlah pelan yang menawarkan tahap perlindungan perubatan yang mencukupi serta komprehensif sehingga umur 100 tahun, tertakluk kepada terma dan syarat².

Memperkenalkan PRUMy Medical Plus

PRUMy Medical Plus merupakan penyelesaian komprehensif menggunakan **PRUWith You** sebagai pelan asas yang dapat memberikan perlindungan jangka panjang bagi memenuhi keperluan perlindungan anda. Dengan **PRUMy Medical Plus**, anda mempunyai keflexibelan untuk memilih pelan perubatan yang memenuhi keperluan anda yang tersendiri – daripada perlindungan perubatan asas yang memberi ganjaran kerana kekal sihat sehinggalah kepada perlindungan perubatan tinggi yang akan membantu anda menangani peningkatan kos perubatan pada tahun-tahun akan datang.

¹Sumber: <http://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-medical-inflation-doubledigit-pace>
²Tertakluk pada tempoh polisi yang dipilih dan persetujuan yang diberi bagi pelanjutan automatik, tempoh perlindungan polisi akan dilanjutkan sehingga tarikh ulang tahun apabila umur 100 pada hari jadi akan datang. Tempoh perlindungan polisi dan bayaran manfaat-manfaat akan bergantung kepada polisi mempunyai nilai tunai yang mencukupi untuk membayar caj-caj. Untuk memastikan polisi mempunyai nilai tunai yang mencukupi, premium tambahan akan diperlukan bagi perlindungan yang berterusan.

Apa pun keperluan anda, kami mempunyai penyelesaian yang tepat untuk anda

	PRUValue Med	PRUMillion Med	PRUHealth
Nilai Untuk Wang	★		
Nilai Had Tahunan yang Tinggi		★	
Bonus Tanpa Tuntutan			★

Pelan-pelan perubatan ini adalah tidak terbatal, yang bermaksud bahawa anda tidak perlu berasa bimbang kerana mengetahui bahawa anda akan terus dilindungi walaupun keadaan kesihatan anda mungkin berubah, asalkan polisi anda masih berkuat kuasa.

Bagaimana saya memilih pelan perubatan yang paling menepati keperluan saya?

Pelan perubatan kami adalah unik, setiap satunya memberi anda tahap perlindungan dan manfaat yang berbeza, jadi anda boleh memutuskan apa yang paling sesuai dengan anda. Berikut adalah beberapa manfaat penting yang patut anda cari dalam pelan perubatan anda.

Apakah kelayakan Bilik & Penginapan harian saya?

Setiap pelan perubatan disertakan pilihan Bilik & Penginapan untuk anda. Manfaat harian meliputi caj bilik harian seperti yang dikenakan oleh hospital untuk kos penginapan, makan & minum dan kos jagaan kejururawatan am sekiranya anda dimasukkan ke hospital.

PRUValue Med	PRUMillion Med	PRUHealth
RM100, RM200, RM300, RM400, RM500 atau RM600 setiap hari	RM200, RM250, RM300, RM400 atau RM500 setiap hari	RM100, RM150, RM200, RM300 atau RM400 setiap hari

Berapakah jumlah perlindungan perubatan saya di bawah pelan ini?

Banyak pelan insurans perubatan menetapkan **had tahunan** – had Ringgit ke atas tuntutan tahunan bagi manfaat yang dilindungi; serta **had seumur hidup** – amaun Ringgit maksimum bagi jumlah manfaat yang pelan perubatan akan bayar sepanjang hayat individu.

PRUValue Med	PRUMillion Med	PRUHealth
TIADA had tahunan	Had tahunan yang TINGGI hingga RM1.98 juta	Had tahunan hingga RM150,000
TIADA had seumur hidup	TIADA had seumur hidup	Had seumur hidup hingga RM1.56 juta

PRUValue Med memberikan anda perlindungan tanpa had bagi melindungi anda secara berterusan sepanjang masa akan datang. Walau bagaimanapun, apabila jumlah tuntutan terkumpul yang dibayar kepada anda melebihi **Med Aras Nilai Perubatan** (RM1 juta, 1.5 juta atau 2 juta), anda perlu membayar 20% daripada jumlah kos layak yang berlebihan. Pilih pelan PRUValue Med dengan **Med Saver** (di mana anda hanya perlu membayar RM300 untuk mana-mana satu kehilangan upaya) untuk menikmati penjimatan premium.

Apakah manfaat lain yang boleh saya dapat daripada pelan saya?

Bertentangan dengan kepercayaan ramai, pelan insurans perubatan bukan sahaja memberi perlindungan semasa anda dimasukkan ke hospital. Ketiga-tiga pelan perubatan ini juga melindungi rawatan pesakit luar seperti yang dinyatakan di bawah. Jadi, anda mempunyai pilihan berehat untuk pulih dengan lebih selesa dan secara privasi di rumah sendiri.



Dialisis Buah Pinggang
Pesakit Luar



Rawatan Kanser Pesakit Luar



Pembedahan Harian

Setiap pelan perubatan juga disertakan dengan manfaat nilai tambahan dan unik yang direka khusus untuk menepati keperluan anda.

PRUValue Med

Perlindungan Komplikasi
Kehamilan

PRUMillion Med

Rawatan Demam Denggi
Pesakit Luar

PRUHealth

Bonus Tanpa Tuntutan – memberi
anda ganjaran kerana kekal sihat

Jadi, jangan bertangguh lagi – dapatkan perlindungan dengan **PRUMy Medical Plus** hari ini!

Untuk maklumat lanjut, anda boleh kunjungi www.prudential.com.my atau hubungi Ejen atau Perancang Kewangan Prudential yang mesra. Kami sentiasa bersedia membantu anda.

Nota-nota penting

PRUMy Medical Plus adalah penyelesaian yang ditawarkan oleh produk kami, **PRUWith You** sebagai pelan asasnya, diuraikan oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Ejen atau Perancang Kewangan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Kos insurans yang dicaj untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.

Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUWith You**, Ilustrasi Jualan dan buku pendidikan pengguna mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan dan Insurans Perubatan dan Kesihatan sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting polisi.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.